

e-BuletinUiTMCM *Citra*

    | UiTM Cawangan Melaka



MEI
eBuletinUiTMCM
Vol.05 - Mei 2021 /21

Sorotan menarik bulan Mei:



Ops Pulang Aidilfitri

Penghantaran pulang pelajar ke kampung halaman masing-masing secara berkala.



SIRI WEBINAR ONLINE



**WEBINAR
RESEARCH TALK**

**'THE USE OF LEXIMANCER
IN ANALYSING BIG
UNSTRUCTURED DATA'**


SPEAKER:
DR VIOLETTA WILK
LECTURER AND RESEARCHER
DIGITAL MARKETING, EDITH COWAN UNIVERSITY (ECU)

DATE: 5 MAY 2021 (WED)
TIME: 10:00 AM - 11:00 AM

**ONLINE - GOOGLE MEET & UTM FROM OFFICIAL
FACEBOOK PAGE**

LET'S TALK ABOUT THE FUTURE

ORGANIZED BY FACULTY OF COMMUNICATION AND SOCIAL SCIENCES

CO-ORGANIZER:  

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Kelima Mei 2021

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2021 Hakcipta Terpelihara



| UiTM Cawangan Melaka

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor	5
------------------------	---

Program Universiti

Pemberian sumbangan dalam Program Jom Bantu Asnaf Melaka kepada pelajar sekolah SK Paya Rumput	8
Sesi Kunjung Hormat YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor HEP ke atas YDH DCP Dato' Abdul Majid bin Mohd Ali, Ketua Polis Melaka	9
Majlis penyerahan sumbangan Projek Amal 1511 V5.0, tahun 2021	10
Ops Pulang Aidilfitri, 7 Mei 2021, Zon Selatan ke Zon Timur, 34 orang pelajar	11
Ops Pulang Aidilfitri, 7 Mei 2021, Pelajar Yang Dijemput Ibu Bapa / Waris	12
Ops Pulang Aidilfitri, 8 Mei 2021, Zon Selatan ke Zon Utara dan Tengah, 65 orang pelajar	13
Ops Pulang Aidilfitri, 9 Mei 2021, Zon Selatan ke Zon Selatan, 28 orang pelajar	14
TejaBatik Exclusive UiTMCM dalam Laporan Khas Bernama TV	15

Hari Raya Aidilfitri 2021

Ucapan Raya Aidilfitri dari seluruh warga UiTM Cawangan Melaka	16-25
--	-------

Pelantikan

Pelantikan Baharu Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka	28-32
---	-------

Webinar

Siri Bengkel & Webinar Universiti	34
-----------------------------------	----

UiTM Artikel

Kaedah provokasi promosi, tular video iklan perlu dibendung	36
Didik remaja guna saluran formal	36
Kerajaan perlu buat keputusan tepat bendung pandemik	37
Air mata, darah umat Palestin didik kita bersyukur	38

Sidang

Redaksi

e-BuletinUiTMCM

f t i y | UiTMCM

Terbitan Mei 2021

#keterlibatan #kebersamaan



Cawangan Melaka



Ketua Editor
Akmal bin Adanan



Penaung
Prof Dr Abd Halim
Mohd Noor



Penolong Ketua Editor
Arif Imran bin
Anuar Yatim



Editor Buletin
Azniza binti Hasan



Editor Buletin
Hasnor Zura binti
Hashsim



Editor Buletin
Wendy Sharon Yapp
binti Abdullah



Editor Buletin
Siti Fairuz Binti
Abd Razak



Editor Buletin
Siti Atifah
Binti Azman



Editor Grafik
Mohd Hanif bin
Mohd Omar



Editor Grafik
Hail Jefri bin Rusli



Isi kandungan
Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan
Mohamad Asrol bin
Arshad



Isi kandungan
Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan
Norazimah binti
Mat

UiTMCM Telegram
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
PELAJAR UiTMCM"

Dari Meja

KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol5 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Mei 2021 ini.

e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya Majlis penyerahan sumbangan Projek Amal 1511 V5.0, tahun 2021, Pemberian sumbangan dalam Program Jom Bantu Asnaf Melaka kepada pelajar sekolah SK Paya Rumpit dan siri latihan / webinar.

Pada bulan ini juga, kampus cawangan Melaka telah menghantar pulang pelajar ke kampung halaman masing-masing sempena cuti hari raya Aidilfitri mengikut SOP yang ketat.

Dalam kesempatan ini, kami ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir & batin.

Sekian, terima kasih.

Akmal Adanan

Ketua Unit Komunikasi Korporat



Program-program Universiti

Pemberian sumbangan dalam Program Jom Bantu Asnaf Melaka kepada pelajar sekolah SK Paya Rumput



PAYA RUMPUT, 3 Mei 2021 - Telah berlangsung pemberian sumbangan kepada 10 orang daripada 120 orang penerima dalam Program Jom Bantu Asnaf Melaka kepada pelajar sekolah SK Paya Rumput anjuran Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Fakulti Pengurusan Perniagaan bertempat di Bilik Gerakan Paya Rumput, Melaka. Sumbangan disampaikan oleh YBhg. Rektor Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor pada pagi ini. Turut hadir Dr. Ahmad Fadhly Arham, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan Perniagaan, Pn. Harni Ab. Hamid, GPK HEM SK Paya Rumput mewakili Guru Besar serta pensyarah pasukan Jom Bantu Asnaf dan guru-guru SK Paya Rumput. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban keluarga dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi.
#UiTMdihatiku

Sesi Kunjung Hormat YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor HEP ke atas YDH DCP Dato' Abdul Majid bin Mohd Ali, Ketua Polis Melaka



MELAKA, 04 Mei 2021 - Sesi Kunjung Hormat YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor HEP ke atas YDH DCP Dato' Abdul Majid bin Mohd Ali, Ketua Polis Melaka bagi membincangkan kerjasama mengenai Kajian Pelaksanaan Satu Taman Satu Polis bertempat di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Melaka.



Majlis penyerahan sumbangan Projek Amal 1511 V5.0, tahun 2021

ALOR GAJAH, 6 Mei 2021 - Telah berlangsung Majlis penyerahan sumbangan Projek Amal 1511 V5.0, tahun 2021 yang telah disampaikan oleh YBhg. Rektor Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor yang bertempat di pejabat rektor UiTM Kampus Alor Gajah.

Projek amal ini adalah kesinambungan daripada projek amal Ramadan selama empat tahun berturut-turut. Syukur ke hadrat Illahi, sumbangan daripada rakan-rakan pensyarah dan staf pentadbiran di UiTM KAG amat menggalakkan dimana pada tahun ini, sumbangan tersebut dapat diberikan kepada 12 orang staf UiTMCM, 18 staf pembersihan kawasan kampus dan 11 orang pelajar UiTM KAG.

Di samping itu, sumbangan turut diberikan kepada petugas-petugas Polis Bantuan yang bertugas pada Hari Raya pertama bagi ketiga-tiga kampus iaitu KAG, KBM dan KJM. Sumbangan adalah daripada Persatuan Wanita UiTM Cawangan Melaka (PEWANI) dan Kelab Pejabat Pentadbiran UiTM Cawangan Melaka.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua penderma yang budiman. Semoga Allah membalasnya dengan kebaikan yang berganda.





Ops Pulang Aidilfitri 7 Mei 2021 Zon Selatan ke Zon Timur 34 orang pelajar






Ops Pulang Aidilfitri 7 Mei 2021 Pelajar Yang Dijemput Ibu Bapa / Waris





Ops Pulang Aidilfitri 8 Mei 2021 Zon Selatan ke Zon Utara dan Tengah 65 orang pelajar





Ops Pulang Aidilfitri 9 Mei 2021 Zon Selatan ke Zon Selatan 28 orang pelajar



EKSKLUSIF

TejaBatik Exclusive UiTMCM dalam Laporan Khas Bernama TV

Bunga Kesidang merupakan bunga Negeri Melaka. Untuk itu, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Kampus Alor Gajah Melaka telah menghasilkan motif rekaan batik flora tersebut menerusi jenama TEJABATIK EXCLUSIVE, dalam usaha untuk mengujudkan produk pelancongan yang baharu.



Ucapan Raya Aidilfitri dari seluruh warga UiTM Cawangan Melaka

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin daripada Rektor UiTM Cawangan Melaka, YBhg Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor dan Pengurusan Tertinggi kepada semua warga UiTM Cawangan Melaka dan seluruh muslimin dan muslimat walau di mana jua berada.









Hari Raya Aidilfitri
2021











Hari Raya Aidilfitri
2021







(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Pelantikan Baharu Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Melaka

Tahniah

PROF. MADYA DR. ABDUL RAUF RIDZUAN
Pensyarah Kanan FKPM

atas kenaikan pangkat
PROFESOR MADYA DM54

mulai
15 April 2021

Ikhlas Daripada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Depan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Melaka

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Melaka

Tahniah

EN. MUHAMMAD SHAFIQ SNIN
Perpustakaan Tun Abdul Razak

atas kenaikan pangkat
PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN (S22)

mulai
17 Mei 2021

Ikhlas Daripada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Depan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Melaka



Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Tahniah

EN. MOHD HAZLI AB. HALIM
Bahagian Pentadbiran

atas kenaikan pangkat
**PEGAWAI EKSEKUTIF
KANAN (N32)**

mulai
16 April 2021

Ikhtis Darpada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka



Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Tahniah

**PN. IRDA FARHANAH
ABU BAKAR**
HEA

atas kenaikan pangkat
**KERANI KANAN
(N22)**

mulai
18 Februari 2021

Ikhtis Darpada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka



 Cawangan Melaka


Tahniah

PN. SALINA SALEHIN
Perpustakaan Tun Abdul Razak

atas kenaikan pangkat
**PEMBANTU PUSTAKAWAN
KANAN (S22)**

mulai
3 Mac 2021

Ikhtis Darpada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka



 Cawangan Melaka


Tahniah

**EN. MOHD RAZALI
ABU BAKAR**
Pejabat Bendahari

atas kenaikan pangkat
**PEMBANTU TADBIR
KEWANGAN KANAN (W22)**

mulai
2 Mei 2021

Ikhtis Darpada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka





 **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** Cawangan Melaka

Tahniah

PN. SITI ZAWIYAH MAHAT
Perpustakaan Tun Abdul Razak

atas kenaikan pangkat
PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN (S22)

mulai
18 Februari 2021

Ikhtis Daripada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Menyorkasikan Potensi
Membentuk Masa Depan







Siri Bengkel & Webinar

Universiti

EMPOWERING RESEARCH AND PUBLICATION WEBINAR SERIES
Date : 2 June 2021 | Time : 9:00 am - 1:00 pm

Dr. Irzan Ismail
Panelist

Topic: Gap or Guesstimate?
Subtopic:
- What is a research gap?
- Identifying a research gap
- Tips and Tricks in developing research gap

Dr. Nur Hayati Abd Rahman
Panelist

Publication in Scopus
- Where to publish?
- How to publish in Scopus indexed journal?
- A winning manuscript for scopus journal
- Tips to write consistently

Dr. Syukri Abdullah
Moderator
Senior Lecturer
Faculty of Business and Management

Join us by clicking the link below:
<https://bit.ly/3ahvnb>
or Scan QR Code

Please remit the payment to the following account:
Name: BENDAHARI UiTM
Account No: 04015010048356
Payment for: WEBINAR EMPOWERING RESEARCH

UiTM Melaka External Participants	- RM 30.00
UiTM Melaka Participants	- RM 25.00

E-certificate will be provided to all participants
Training hours will be provided to UiTM participants

For any enquiries, please contact:
Dr Zukhrifa Muhammad Haniffah | Email : zukhrifa9616@gmail.com | Tel No : 013-4427288
Dr Nurazree Mahmud | Email : nurazree642@uitm.edu.my | Tel No : 017-7472629
Dr Koe Wei Loon | Email : koweel16@uitm.edu.my | Tel No : 015-2093967

ORGANIZED BY: **FBM** DEPARTMENT OF MANAGEMENT AND MARKETING
UiTM MELAKA

WEBINAR RESEARCH TALK
'THE USE OF LEXIMANCER IN ANALYSING BIG UNSTRUCTURED DATA'

SPEAKER:
DR VIOLETTA WILK
LECTURER AND RESEARCHER
DIGITAL MARKETING, EDITH COWAN UNIVERSITY [ECU]

BIG DATA
ANALYTICS AND VISUALIZATION

DATE: 3 MAY 2021 (WED)
TIME: 9:00 AM - 11:00 AM

ONLINE - GOOGLE MEET & UiTM FKPM OFFICIAL FACEBOOK PAGE

LET'S TALK ABOUT THE FUTURE

ORGANIZED BY: FACULTY OF COMMUNICATION AND MEDIA STUDIES

CO-ORGANIZER: **ECU** **Leximancer**

WEBINAR FILANTROPI SIRI 2
PERANAN TEKNOLOGI DALAM KUTIPAN/AGIHAN ZAKAT
Anjuran Unit EL-WAZIF dengan kerjasama CIPSF & AZKA-PPZ
28 Mei 2021 | 10:00 - 11:00 pagi

PANEL 1	PANEL 2	PANEL 3	MODERATOR
			
EN. MOHAMAD NOOR SAHIDI JOHARI Pengurus Kanan Akademik Zakat Pusat Pungutan Zakat Selangor	USTAZ NOORZAKRY NOR JAMAL Ketua Penolong Pengarah Media & Teknologi	PROF MADYA DR S SALAHUDIN SUYURNO Timbalan Pengarah CIPSF & Ketua Pusat Pengajian ACIS	DR AZHANA OTHMAN Timbalan Pengarah Unit Pembangunan, Governance & Strategic CIPSF UiTM Pulau Pinang



Artikel / Liputan Media

Kaedah provokasi promosi, tular video iklan perlu dibendung



Penyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka

Oleh Mohd Hanif Mohd Omar
bhrencana@bh.com.my

Dua klip video iklan bertemakan hari raya dipercayai diterbitkan syarikat penyedia platform perjudian dalam talian tular di media sosial, sekali gus mencetuskan kekecohan dalam masyarakat. Ia menyuntik sensitiviti umat Islam kerana penceritaan iklan itu bernuansa cubaan mengajak orang ramai bernilai judi bagi mencari dana menyambut Aidilfitri.

Umumnya, perancangan sesuatu penghasilan video pada dasarnya perlu melalui beberapa proses, iaitu praproduksi atau perancangan, produksi (rakaman) dan pascaproduksi (suntingan).

Sekiranya dilihat dan diteliti dari sudut penghasilan video, produksi menghasilkan video berkaitan memang merancang dengan terusun bagi penghasilan video pengiklanan berkaitan.

Dari sudut teknik, video terbitan sememangnya mempunyai kualiti hasil kerja yang dianggap baik, terutama dari sudut pembaikan, sinaran plot, lokasi penggambaran, teknik kamera, penghasilan lirik dan pemilihan pelakon.

Ia bukan penghasilan video pengiklanan sekadar ingin melepaskan batuk di tangga. Perancangan rapi menghasilkan kualiti seperti ditayangkan.

Dalam konteks pemasaran, peranan emosi dalam pemasaran tular adalah sama penting dengan penyampaian maklumat berfakta. Produksi ini meng-

gunakan kaedah provokasi untuk menimbulkan emosi, iaitu emosi kemarahan dengan menyayat video terbitan di media sosial ketika umat Islam di negara ini mula berpuasa.

Berdasarkan kajian, emosi kemarahan ialah emosi negatif paling berkesan dalam menghasilkan tindak balas daripada penonton.

Ternyata kaedah ini berkesan untuk tular dan ia menimbulkan pelbagai reaksi warga netizen. Rata-ratanya mengena, menyebarkan dan mengulang siar video terbitan dalam pelbagai aplikasi media sosial sama ada secara peribadi ataupun kumpulan.

Dalam tidak sedar sebenarnya cara itu sendiri mempromosikan video berkenaan, walaupun perasaan ingin tahu warganet yang belum menonton video terbitan turut menjadikannya tular di media sosial. Sehingga kini walaupun video berkaitan sudah tidak disiarkan di laman syarikat perjudian terbitan, video berkenaan masih dapat diakses.

Kekecohan di media sosial tercetus kerana video judi raya itu bertemakan Aidilfitri dan rata-rata pelakonnya beragama Islam.

Ramadan sudah sinonim sebagai bulan untuk memperbanyakkan amal kepada umat Islam. Kegiatan judi selepas puasa sangat ditegah dalam Islam. Ini menunjukkan pihak produksi tidak sensitif terhadap nilai moral dan etika di negara ini.

Berdasarkan laporan, pelakon menyatakan mereka hanya mengetahui akan video berkaitan terkait dengan syarikat perjudian setelah 70 peratus proses penggambaran sudah berlaku, iaitu ketika masuk ke babak nyanyian atau lipstik.

Ia mungkin besar sekiranya diamati pada awalan

babak pelakon hanya perlu melakukan watak dengan ekspresi muka sahaja, proses pascaproduksi seperti memasukkan teks, lagu, lirik dan grafik ketika itu belum dimasukkan.

Pada kebiasaannya, sekiranya 70 peratus penggambaran sudah dibuat, amat sukar untuk pelakon menarik diri apatah lagi sekiranya membabitkan kontrak.

Pelakon sesekali akan terkejut dengan keadaan ketika babak nyanyian dilakukan pada akhir penggambaran. Sekiranya ini berlaku, pelakon boleh dianggap sebagai terlanjur.

Bagaimanapun, pihak polis bertindak pantas dengan melakukan siasatan mengikut Seksyen 305 Kanun Keseksaan, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia dan Seksyen 4(1g) Akta Rumah Judi Terbuka 1963 kerana terbitan dalam sebarang video mempromosikan perjudian dalam talian.

Realitinya, perkembangan teknologi internet kini semakin meluas khususnya penggunaan media sosial sememangnya baik. Namun tanpa kawalan pihak berkuasa, ia boleh menjadikan pengiklanan di media sosial sukar dikawal khususnya bagi kandungan iklan tidak beretika.

Sekiranya kesdian ini terus diabaikan, ia akan melalui fasa normalisasi yang dihasratkan kesannya akan menjadikan masyarakat khususnya remaja terdedah kepada isi kandungan tidak sewajarnya.

Hakikatnya, kes ini sebahagian daripada pelbagai isu berkaitan video tular di negara ini yang perlu dipandang serius pihak berwajib khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memikirkan mekanisme terbitan bagi membendung situasi ini daripada berulang.

Artikel Akhbar - Berita Harian
01 Mei 2021

Mohd Hanif Mohd Omar
Penyarah
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
UiTM Cawangan Melaka

Didik remaja guna saluran formal



Penyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka

Oleh Muhammad Anwar Fahmi
Hari Das Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Isu kelucuhan, gurauan atau unsur 'pathos' dalam komunikasi retorik kerap berlaku, tetapi bergantung kefahaman, penggunaan ilmu serta penerimaan individu.

Berdasarkan pemerhatian dan kajian terhadap ucapan penceramah bebas dalam kalangan pelbagai pihak, mereka memanfaatkan sesi pengucapan awam atau majlis ilmu melalui ucapan kata kunci pathos mahupun gurauan untuk menarik perhatian pendengar.

Namun, pendekatan, gaya bahasa dan kata kunci digunakan kadang-kala tidak mampu difahami serta diterima sesetengah pendengar yang memiliki akhlak, integriti serta sahsiah mulia dan tinggi.

Justeru, penceramah dan fasilitator sebagai pengucap awam akan berhadapan tindakan dan situasi tidak terawal atau konflik, ketika sesuatu isu berkaitan diangkat kepada media dan masyarakat serta dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Pakar psikoanalisis seperti Sigmund Freud menjelaskan peranan *libido* (id, ego dan super ego)

dalam kehidupan diri setiap individu. Id membawa pengertian dorongan nafsu berkegelak atau tidak terkawal, ego pula ialah pertimbangan antara id dan super ego atau antara mahu lakukan atau tidak. Super ego pula benteng iman atau nilai kuat, untuk menolak perkara tidak wajar dilakukan.

Pembahagian ini boleh dilihat dalam kejadian gurauan guru yang didakwa membabitkan isu rogo. Kita memahami kekeliruan guru kerana ia mungkin dilakukan tanpa sedar (prasedar).

Namun selepas isu ini menjadi viral dan mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk Menteri Pendidikan dan agensi keselamatan seperti polis, maka tahap kesedaran guru terbitan mulai tinggi dan mungkin dalam proses menyensiti perkongsian sedemikian yang berlaku tanpa kawalan.

Budaya masyarakat Barat amat terbuka, terus terang dan dilihat tegas. Namun, budaya Timur lebih sopan santun, tidak terbuka serta memiliki maksud tersirat dan tersurat sukar difahami.

Jika dilihat di organisasi, senda guru dalam kalangan ketua dengan pekerja boleh wujud, termasuk dalam kalangan rakan sekerja.

Namun, bukan semua individu mampu menerima nilai dan budaya berkaitan, sebaliknya akan melarat serta tidak terawal sekiranya dipanjenkan kepada pihak berkuasa dan berniat untuk meny-

man dan mengugat kredibiliti tertuduh.

Pada dasarnya Kementerian Pendidikan (KPM) wajar segera menangani krisis ini supaya tidak melarat dan mengugat imej serta reputasi pendidikan di negara ini, di samping mendidik remaja agar menggunakan saluran lebih formal untuk menangani isu berkaitan.

Pihak sekolah memiliki pentadbir, guru disiplin, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta KPM.

Aduan kepada pihak berkaitan akan membawa jalan penyelesaian namun isu ini dibuka untuk diperbincang meluas dalam masyarakat, media dan komuniti hatta pemimpin kerajaan serta pembangkang.

Isu sukar dikawal dan ditangani disebabkan banyak pihak akan memberikan pelbagai pandangan berkemungkinan akan mendesak penyelesaian menang kalah, atau menyemarakkan lagi api konflik.

KPM wajar segera menubuhkan jawatankuasa khas untuk mendengar pandangan kedua-dua pihak secara bersejajar, kemudian mendengar semula secara bersejajar antara pelajar, ibu bapa dan guru, justeru pada akhir perundingan dan penyelesaian, kedua-dua pihak boleh berdamai dan mencari jalan lebih hikmah.

Artikel Akhbar - Berita Harian
10 Mei 2021

Muhammad Anwar Fahmi Hari Das Abdullah
Penyarah Kanan
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Kerajaan perlu buat keputusan tepat bendung pandemik



Pensyarah Kanan
yang juga Ketua Unit
Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi
MARIA (UiTM)
Cawangan Melaka

Oleh Akmal Adanan
ahmcanan@fbh.com.my

Pembara paling digeris dalam menghadapi pandemik bukan sahaja jumlah kes positif meningkat, bahkan kebanyakan sistem kesihatan awam negara bertahan memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Kesedaran pandemik di seluruh dunia menjadi antara penyebab peningkatan kes akhir-akhir ini.

Masyarakat mulai len, lalu alpa dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan berbilang gant.

Kelengkapan beberapa perintah larangan, termasuk pembekuan semua pelbagai sektor ekonomi, sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan pengurangan program membolehkan jumlah peserta yang ramai menyebabkan kes COVID-19 meningkat mendadak di kebanyakan negara, termasuk Malaysia.

Situasi ini menjadi lebih membimbangkan dengan kemunculan mutasi baharu virus SARS-CoV-2.

Terutamanya, kita tidak mahu keadaan di India berlaku di negara ini apabila pesakit yang memerlukan rawatan ditolak hospital kerajaan dan swasta kerana kapasiti rawatan sudah tidak dapat menampung jumlah pesakit yang datang.

Melihat kepada perkembangan di India, tidak mustahil ia juga boleh terjadi di negara kita sekiranya keputusan tepat tidak diambil segera.

Jika dilihat, keadaan COVID-19 di negara ini jauh lebih kritikal berbanding ketika darurat diumumkan pada Januari lalu.

Ketibaan Aidilfitri Khamis ini, dikhawatiri memberikan risiko lebih tinggi apabila rakyat keluar membuat persiapan sambutan Aidilfitri di gedung beli-belah dan bazar seluruh negara.

Lebih setahun lamanya petugas kesihatan negara berjuang untuk mengurangkan ancaman pandemik COVID-19 ini. Malangnya, keadaan tidak menunjukkan sebarang tanda untuk berakhir.

Malah, jumlah kes aktif semakin meningkat dengan jumlah kumulatif sehingga serendah direkodkan 444,884 kes, dengan 1,700 kematian.

Peningkatan kes baharu secara mendadak ini pasti meningkatkan beban dan tekanan kepada sektor kesihatan negara.

Tidak dapat dibayangkan apakah keadaan yang akan dihadapi negara jika angka ini mengikut trend dan meningkat mengikut skor kadar kebolehan R-naught (R0) 1.07 seperti dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) pada 4 Mei lalu.

Ini dibuktikan apabila KKM dan hospital swasta mula menggunakan kapasiti mereka mencapai tahap kritikal.

Menurut statistik Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CCPRC) pada 2 Mei lalu, kadar penggunaan katil rawatan kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) COVID-19 di Lembah Klang secara purata keseluruhannya mencapai

90 peratus.

Bilangan pesakit dalam ICU pula meningkat daripada 228 kes dua minggu lalu kepada 328 beberapa hari lalu, dengan 135 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

Kerajaan perlu mengambil perhatian terhadap peningkatan angka pesakit COVID-19, terutama jangkaan kepada golongan muda dan bilangan pesakit kategori 3, 4 dan 5 yang memerlukan rawatan di ICU, sekiranya bantuan pernafasan serta jumlah kematian tinggi.

Ketibaan Aidilfitri Khamis ini, dikhawatiri memberikan risiko lebih tinggi apabila rakyat keluar membuat persiapan sambutan Aidilfitri di gedung beli-belah dan bazar seluruh negara

Pembaruan varian India B.1.497.1, Afrika Selatan B.1.351 dan United Kingdom (UK) B.1.1.7 perlu dipantau secara teliti kerana kesan buruk kepada pesakit lebih ketara berbanding kes jangkitan sebelum ini.

Apakah punca sebenar peningkatan ini berlaku? Adakah SOP terkini cukup efektif dalam mengurangkan kebolehan jangkitan? Atau adakah kerajaan sudah pun membuat keputusan betul dalam me-

nangani keadaan ini?

PKP kali kedua dikuatkuasakan Januari lalu di kritikal segelintir rakyat melalui media sosial kerana menganggapnya sebagai dasar setengah masuk berikutan tidak berjaya menurunkan jumlah jangkitan COVID-19 walaupun lebih tiga bulan dilaksanakan.

Tetapi PKP berpanjangan pula menyusahkan dan menyebabkan rakyat hidup lebih merana. Menyedihkan apabila kerajaan, pentadbiran dan individu terkawal dilihat lebih santai mengemukakan analisis kesihatan walaupun jumlah kes jangkitan merekodkan empat angka setiap hari.

Pematuhan SOP dan penguatkuasaan dilihat seperti 'tidak adil' kepada sesetengah pihak juga menambahkan kemarahan rakyat.

Lazimnya, sesetengah rakyat mengharapkan PKP lebih tegas perlu dikuatkuasakan pada masa singkat bagi menurunkan jumlah jangkitan dengan segera.

Kerajaan perlu memberikan gambaran sebenar mengenai keadaan pandemik getir yang sedang dihadapi negara. Komunikasi kepada rakyat perlu lebih jelas, serius dan tegas supaya rakyat lebih berempati.

Sementara itu, pemimpin politik, organisasi dan masyarakat di setiap peringkat perlu menarik pendekatan serta membuat keputusan sesuai dalam keadaan bencana.

Penguatkuasaan PKP terkini secara bersasar yang membabitkan beberapa daerah dan negeri tertentu menunjukkan keserikan kerajaan menangani permasalahan jangkitan di lokasi yang paling berisiko setakat ini.

Apapun, rakyat masih menuntut kepercayaan tinggi kepada kerajaan untuk membuat keputusan yang terbaik dalam usaha menangani pembaruan COVID-19.

Diharapkan, keputusan tepat diambil kerajaan khususnya dalam tempoh terdekat demi memastikan sektor kesihatan awam negara dapat terus bertahan.



PKP lebih tegas perlu dikuatkuasakan bagi membendung pembaruan COVID-19.

Artikel Akhbar - Berita Harian
11 Mei 2021

Akmal Adanan
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan
UiTM Cawangan Melaka



Air mata, darah umat Palestin didik kita bersyukur

Umat Islam di negara ini masih boleh sambut Aidilfitri meskipun terbatas

Oleh Nazri Abu Bakar
nazri@uitm.com.my

Syawal menjelang sekali lagi dalam keadaan kita diuji hingga terpaksa menyambutnya secara terbatas dan selesa keharmonian kerana ancaman pandemik COVID-19 terus mengancam.

Bagaimanapun, kita tidak boleh mengalah kerana masih ramai dalam kalangan umat Islam yang menyambutnya belian sahaja dengan air mata, baki darah dan nyawa berdarah di Palestin.

Palestin orang ramai berusaha memeluk kakak-kakak dan rakan-rakan dalam suasana sepi, udara oleh Israel di Gaza. Sehingga itu dilaporkan sebagai tidak boleh berhadapan di kawasan Hamas dan penguasa Palestin akibat keganasan di kawasan rejim Israel di penguasaan Masjid Al-Aqsa.

Isa memantapkan kesengsaraan umat Islam Palestin yang semakin lama ditindas, ditindas dan dikejar-kejar rejim Zionis hingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan penderitaan.

Malah, mereka turut berdepan dengan ancaman COVID-19 hingga apa mereka lalu perlu menjadi pengasingan dan pangsau seperti kita berdepan.

Koordinator, Uthi Wazaf, Zakar dan Isah (EL-WAZAF) dan Pengerusi Akademi Pengajian Islam Koresponden (AKIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, Muaz Mohd Noor, berkata ujian kita dihadapi menyambut Syawal tentunya berlaku kecil untuk diwujudkan ujian diterima saudara kita di Palestin.

Memeriahkan hari raya

Berikut berkata, jika kita diuji terpaksa bergaduh, umat Palestin diuji dengan perjuangan kemahiran tetapi tetap di-hadapi dengan tahap memeluk kental beribadah dan mempersembahkan baki maula itu.

"Jika kita masih dapat menyambut perayaan dengan menghidangkan lampu pelita dan bernilai bunga api di rumah rumah, saudara kita di Palestin diuji dengan pelita serta baki api."

"Walaupun apapun situasi, semangat yang berdaya melampaui ujian kesabaran sepanjang Ramadan, perlu menyambutnya dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah SWT. Aidilfitri masih tetap diwujudkan memandangkan ia tuntutan bukan syarak," katanya.

Allah SWT berfirman: "Dan juga supaya kamu rukapukan Muejirin puasa (sebelum Ramadan) dan supaya kamu menjadi membela Allah SWT (bertakut) atau perajanya diberikan kesabaran, supaya kamu bertakwa." (Al-Baqarah: 183).

Muaz berkata, etti kesyukuran Aidilfitri berdarah berdarah bergembira merayakan perayaan ini bersama ahli keluarga dan sahabat handai saudara-mara.

Namun, Muaz mengingatkan, kesyukuran itu menjadi manifestasi kerja yang mengawal hawa nafsu sepanjang Ramadan, seterusnya keluar daripada madrasah Ramadan dengan iman, ihsan dan ihsan.

Berikut hari raya kita-kita orang berjaya: "Berkahlah sebarang hari raya itu bagi memeluk pakaian baharu, tetapi sebarang hari raya itu bagi orang yang kesusahan-nya terus bertambah."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

"Berkahlah sebarang hari raya itu bagi yang mengorbankan diri bagi yang beribadah dengan paksi dan kenderaan, tetapi sebarang hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-nya."

Umat Islam Palestin menyambut Aidilfitri dengan air mata, darah serta nyawa berdarah.



Seseorang yang berjaya melampaui ujian kesabaran sepanjang Ramadan, perlu menyambutnya dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah SWT"

Muaz Mohd Noor

Artikel Akhbar - Berita Harian
16 Mei 2021

Nazri Abu Bakar
UiTM Cawangan Melaka

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 772785 804005